

**BAHAGIAN PELESENAN DAN PENGUATKUASAAN
PERBADANAN KEMAJUAN FILEM NASIONAL MALAYSIA (FINAS)**

**GARIS PANDUAN / TATACARA PERMOHONAN
SIJIL PERAKUAN PENGGAMBARAN FILEM KHAS (SPP KHAS)**

1. Syarikat filem mestilah mempunyai lesen pengeluaran daripada FINAS dan masih sah tempoh lakunya.
2. Melengkapkan borang permohonan yang boleh didapati secara percuma di Kaunter Pelesenan, FINAS atau muat turun melalui laman web FINAS : www.finas.my
3. Pemohon boleh terus memohon pada bila-bila masa sebelum penggambaran dijalankan setelah lengkap borang permohonan beserta keputusan Ujian Saringan Covid-19.
4. Satu permohonan bagi setiap judul filem yang hendak dikeluarkan. Hanya satu permohonan SPP Khas bagi filem yang mempunyai episod / siri (jenis filem : animasi, Cereka Pawagam, Cereka TV, Cereka VCD, Dokumentari, Drama TV, Game Show, Muzikal, Pendidikan, Promosi, Realiti TV, Temubual, Video Korporat, Cereka Pendek, Program TV)
5. Setiap permohonan hendaklah disertakan dengan dokumen berikut :
 - i. Sinopsis penggambaran.
 - ii. Jika penggambaran tersebut menggunakan khidmat tenaga kerja asing perlulah menyertakan salinan surat sokongan kemasukan Pekerja Filem Asing (PFA) dan dokumen kelulusan daripada Jabatan Imigresen / work permit.
 - iii. Menyatakan jadual dan lokasi penggambaran secara terperinci dan sertakan nombor telefon Pengurus Produksi (PM) dalam borang permohonan. Sila maklumkan kepada FINAS jika perubahan lokasi penggambaran, artis, tenaga kerja dan judul filem (sila pastikan penggambaran dijalankan mengikut jadual yang telah ditetapkan).
 - iv. Tenaga kerja produksi yang terlibat dalam penggambaran WAJIB menjalani ujian Covid-19. Keputusan tersebut hendaklah dibawa semasa permohonan.
 - v. Penyelia Penyelaras Produksi yang dilantik perlu membuat pelaporan khas selesai penggambaran. Laporan tersebut hendaklah diserahkan kepada Finas bersama buku log yang telah dikemaskini dan disusun bagi tujuan pengumpulan data sekiranya penularan wabak Covid-19 berlaku.
6. Bayaran Sijil Perakuan Penggambaran Filem Khas (SPP Khas) sebanyak Lima Puluh Ringgit Malaysia Sahaja (RM50.00) boleh dibuat secara tunai / wang pos / bank draft / kiriman wang bagi setiap SPP khas yang dikeluarkan.
7. Bagi Syarikat produksi yang tidak mematuhi syarat-syarat Sijil Perakuan Penggambaran Filem Khas (SPP Khas) atau melanggar SOP yang telah ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN), Perbadanan berhak memberhentikan sesi penggambaran yang sedang dijalankan SERTA MERTA seterusnya MEMBATALKAN SPP Khas tersebut.

Sebarang pertanyaan boleh berhubung di talian : **0341041300 / 1458 / 1360**
pelesenanfinas@gmail.com